

TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
MAJLIS PENYERAHAN SIJIL THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS
3 OGOS 2015 (ISNIN), JAM 3.00 PETANG
THE GRAND BALLROOM, TINGKAT 1,
HOTEL IXORA, JALAN BARU, PERAI

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Sr Hj Rozali Bin Mohamud
Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Pegawai-pegawai SIRIM QAS International Sdn Bhd

Yang Dihormati Pegawai-pegawai Niosh Certification Sdn Bhd

Yang Dihormati Pegawai-pegawai MPC

Yang Dihormati Ketua-Ketua Jabatan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai MPSP

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Petang

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada petang ini untuk Majlis Penyerahan Sijil *The Malaysia Book Of Records*. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan semua yang hadir pada petang ini.

Untuk makluman YAB dan para hadirin sekalian, MPSP telah memperolehi persijilan sistem pengurusan yang pertama iaitu Sistem Pengurusan Kualiti (QMS 9001:2008) sejak tahun 1999. Sistem ini dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pemberian perkhidmatan, dimana proses kerja jabatan disusun atur secara sistematik dan dilaksanakan dengan penambahbaikan berterusan menggunakan kecekapan teknologi terkini untuk mempercepatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Persijilan kedua iaitu, Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS 14001:2004) dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 14 Jun 2006. Sistem ini membuktikan bahawa usaha-usaha MPSP bukan sahaja di peringkat

tempatan dan negeri, malah di peringkat antarabangsa untuk mengurangkan pencemaran serta pemanasan global.

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS 18001:2007) yang dipersijilkan oleh Niosh Certification Sdn Bhd pada 28 Ogos 2013 pula bertujuan untuk meminimalkan risiko berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kakitangan MPSP. Untuk menunjukkan komitmen dari pihak pengurusan terhadap persijilan OHSAS, MPSP telah memperuntukan bajet sebanyak RM 299,890.30 pada tahun 2014 untuk pembelian peralatan PPE. Manakala pada tahun 2015 MPSP telah memperuntukan sebanyak RM 670,000.00. Perlaksanaan OHSAS dan pertambahan peruntukan ini membuktikan bahawa MPSP mengambil berat soal keselamatan dan kebajikan staf kerana staf adalah aset yang tidak ternilai kepada MPSP.

Untuk makluman YAB dan para hadirin sekalian juga, pada tahun lepas, MPSP telah mendapat 2 persijilan iaitu Sistem Pengurusan Tenaga (EnMS 50001:2011) yang dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 15 Ogos 2014 dan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (QEMS/5S) dipersijilkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 3 Disember 2014. EnMS 50001:2011 merupakan sistem pengurusan yang dilaksanakan dalam usaha mengurangkan

penggunaan tenaga serta menggalakkan aktiviti *Green*/hijau di kalangan kakitangan dan komuniti setempat. Pelaksanaan sistem QEMS/5S memberi banyak faedah kepada stakeholder dan warga Seberang Perai yang berurusan dengan MPSP. Peruntukan bayaran elektrik di ibu pejabat merupakan satu peruntukan yang tinggi. Oleh itu, MPSP telah membuat sasaran untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik di ibu pejabat dengan 3 % setiap tahun. Di samping itu, MPSP juga telah dianugerahkan sebagai Pejabat Hijau oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Green Council untuk tempoh April 2013 - April 2015.

YAB dan Para hadirin sekalian,

Atas kejayaan MPSP menjadi PBT pertama yang mendapat lima persijilan berteraskan kualiti, pada 16 Februari 2015, MPSP telah memohon kepada MBR secara rasmi untuk disenaraikan dalam MBR. Pada 13 April 2015, MPSP telah menerima surat pengesahan disenaraikan dalam *The Malaysia Book Of Records* sebagai Pihak Berkuasa Tempatan pertama yang telah berjaya mendapat lima persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti.

YAB dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Semua sistem pengurusan yang dilaksanakan oleh MPSP mempunyai perkaitan rapat dalam mewujudkan pengurusan dan pentadbiran mampan yang bergerak menjadikan Seberang Perai sebagai “*World Class City*” serta menjadikan Seberang Perai sebagai tempat yang menjadi pilihan ramai untuk tinggal dan pilihan ahli perniagaan untuk pelaburan. Langkah awal bermula di MPSP yang diterapkan di kalangan warga kerja, disusuli dengan penglibatan semua *stakeholders*.

MPSP bergerak selangkah lagi untuk menjadi PBT bertaraf antarabangsa dengan meningkatkan pencapaian dalam pengurusan kualiti. Untuk ini, empat sistem pengurusan telah diintegrasikan dari segi dokumen, pelaksanaan dan audit. MPSP juga merupakan PBT pertama yang melaksanakan sistem pengurusan berintegrasi berteraskan empat sistem berkenaan iaitu ISO 9001, ISO 14001, ISO 50001 dan OHSAS 18001. Sebagai makluman, pada tahun ini MPSP sedang berusaha untuk persijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013). Pensijilan Kualiti ini juga merupakan satu usaha yang dilihat oleh PBT-PBT yang maju di dunia ini untuk menjalinkan persahabatan dua hala. MPSP dapat menjalinkan hubungan di peringkat antarabangsa contohnya dengan Seoul dan kita juga akan menandatangani Memorandum Persefahaman dengan *Yokohama City Council* tidak lama lagi.

Sehingga kini pencapaian MPSP di peringkat antarabangsa adalah, MPSP telah menjalinkan hubungan baik dengan:

1. Freemantle, Australia
2. Bandar Metropolitan Gwangju - Human Right City
3. Seoul Metropolitan Government - Menandatangani MOU bersama Seoul Metropolitan Government berkenaan *Environmental Policy Exchange*. Kita akan menerima bantuan khidmat pakar dari Seoul Metropolitan Government dan latihan akan dimulakan pada tahun 2016.
4. City Of Yokohama - Hubungan kerjasama dengan Bandar Yokohama, Jepun untuk menjadikan Bukit Mertajam sebagai pilot projek atau *landmark* dari segi *urban design* memandangkan Bandar Yokohama ini hebat dari segi *urban design* - Projek ini mendapat sokongan kewangan daripada JICA (*Japan International Cooperation Agency*). Dijangka MOU bersama Bandar Yokohama, Jepun ini akan ditandatangani pada bulan November 2015 tahun ini.

MPSP juga menjadi ahli kepada WeGO, ICLEI dan IOPD. YBhg. Dato' Yang Dipertua juga telah dipilih sebagai ahli Regional Executive Committee (REXCOM) dan mewakili Southeast Asia ke Global

Executive Committee (GEXCOM). Dalam kategori “*Emerging City*”, YDP MPSP telah dipilih sebagai *Best City Manager* oleh *Europe Business Assembly - Stresa, Italy*. Di peringkat kebangsaan YDP MPSP juga telah dianugerahkan *Planner of The Year 2014* semasa menghadiri *Planning Excellence Awards Gala Dinner 2014*.

Di peringkat Kebangsaan, MPSP juga telah tersenarai pendek antara enam PBT bagi Anugerah AIPBT. MPSP juga telah mendapat pengiktirafan inisiatif Inovasi 'Mendahului Keluk Pembaharuan Melalui Penyelesaian Teknologi dan Interaksi Sosial' melalui Sistem Pemantauan Pintar (SPP) sebagai finalis (7 senarai pendek dari 124 agensi) dalam Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2014.

Manakala di peringkat Negeri, MPSP telah mendapat tempat kedua bagi kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal serta Persembahan Terbaik menerusi Konvensyen KIK telah disertai.

YAB dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Saya amat berbangga bahawa MPSP telah menjadi pihak berkuasa tempatan pertama yang menerima lima (5) persijilan bagi Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MPSP dan kini telah disenaraikan

dalam *The Malaysia Book Of Records*. Dengan adanya 5 persijilan ini, MPSP sedia bergerak kearah pentadbiran bertaraf antarabangsa selari dengan hasrat Kerajaan Negeri. Saya juga berharap semoga kita dapat memupuk kerjasama yang erat bersama-sama dengan semua pihak agar MPSP sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang dapat mencapai sasaran *International & Intelligent City* yang selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.